

Headline	UiTM bantu kembang industri halal		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	05 Sep 2012	Color	Full Color
Section	Nasional	Circulation	192,982
Page No	18	Readership	1,521,000
Language	Malay	ArticleSize	218 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 7,352
Frequency	Daily	PR Value	RM 22,056



UiTM bantu kembang industri halal

» Universiti pertama perkenal kursus Pengurusan dan Sains Halal

Shaarani Ismail dan

Norakmah Mat Youb

Universiti Teknologi Mara (UiTM) menjadi universiti pertama di negara ini memperkenalkan Ijazah Sarjana Muda dan Diploma dalam kursus Pengurusan dan Sains Halal.

Pengambilan pertama membabitkan 30 pelajar akan dimulakan September 2013 bagi memenuhi keperluan pembangunan modal insan dalam usaha menjadikan Malaysia peneraju industri halal dunia. Tempoh pengajian kursus itu selama tiga tahun di kampus UiTM, Shah Alam.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Jamil Khir Baharom, berkata jika sebelum ini Perbadanan Pembangunan Industri Halal (HDC) dan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) menggembangkan tenaga, kini

UiTM pula memainkan peranan membantu mengembangkan industri halal.

"Usaha UiTM ini bakal merancakkan industri halal negara. Industri ini semakin kompetitif kerana banyak ne-

gara luar dan negara bukan Islam termasuk Amerika Syarikat, Eropah dan Jerman mula memasukinya secara serius bagi merebut pasaran makanan di seluruh dunia yang dianggarkan RM600 bilion hingga RM800 bilion.

Perlu usaha bersepadu

"Hanya 15 peratus daripada industri makanan halal di Malaysia ada persijilan halal. Jadi, usaha bersepadu perlu dilakukan pihak pensijilan bagi menggalakkan lebih banyak yang memohon pengiktirafan itu," katanya sambil menambah sehingga Ogos lalu, 6,372 sijil halal dikeluarkan kepada pekarangan, premis dan rumah sembelihan di negara ini.

Bercakap selepas merasmikan Persidangan Halal Antarabangsa 2012 di sini semalam, beliau berkata, pembinaan

Makmal Analisis Institut Halal Malaysia di Bandar Enstek, Nilai, menunjukkan kesungguhan kerajaan mahu menjadikan Malaysia sebagai Pusat Halal Dunia dengan menjadikan JAKIM rujukan utama dalam pensijilan halal.

"Industri ini semakin kompetitif kerana banyak negara luar dan negara bukan Islam mula memasukinya secara serius bagi merebut pasaran makanan seluruh dunia yang dianggarkan RM600 bilion hingga RM800 bilion"

Jamil Khir Baharom
Menteri di Jabatan Perdana Menteri

